SIARAN MEDIA
UNTUK SIARAN SEGERA
29 NOVEMBER 2022

UEM Edgenta Catat Pendapatan Dua Angka pada 9M TK2022

Rumusan Keputusan Kewangan Sembilan Bulan Pertama bagi Tahun Kewangan 2022

- Pendapatan sebanyak RM1.8 bilion untuk tempoh Sembilan Bulan Pertama 2022
- Keuntungan bersih sebanyak RM24.6 juta
- Keuntungan bersih dinormalisasi sebanyak RM42.7 juta
- Kedudukan tunai bersih sebanyak RM130.1 juta
- Nisbah gearan kasar sebanyak 0.3 kali
- *Orderbook* semasa sebanyak RM10.1 bilion, dengan RM972 juta kontrak baharu diperolehi pada TK2022 sehingga kini

KUALA LUMPUR, 29 November - UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta" atau "Syarikat"), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini mengumumkan keputusan kewangannya yang belum diaudit untuk tempoh sembilan bulan berakhir 30 September 2022 ("9M TK2022") hari ini.

Syarikat melaporkan keuntungan bersih sebanyak RM24.6 juta pada 9M TK2022 dengan pendapatan sebanyak RM1.8 bilion, iaitu 13.7% peningkatan berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Keuntungan Sebelum Cukai ("PBT") dicatatkan sebanyak RM55.3 juta pada 9M TK2022, iaitu 22.1% lebih tinggi berbanding RM45.3 juta yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun lepas.

Selepas mencatatkan prestasi kukuh pada separuh pertama TK2022, momentum pertumbuhan pada suku ketiga disederhanakan oleh peningkatan tekanan inflasi dan gangguan rantaian bekalan. Pendapatan Syarikat pada suku ketiga TK2022 berbanding suku sebelumnya (suku kedua TK2022) meningkat sebanyak 3.0% atau RM18.5 juta, kepada RM646.2 juta. Manakala, keuntungan bersih menyusut sebanyak 59.3%, daripada RM10.8 juta kepada RM4.4 juta, terutamanya disebabkan kerugian peruntukan nilai *"one-off"* pada inventori dan peningkatan kos dalam operasi perniagaan.

Pertumbuhan pendapatan bagi tahun ke tahun didorong oleh hasil pendapatan tinggi yang dijana daripada *Healthcare Support Services* melalui usulan pengembangan penyelesaian penjagaan kesihatan bersepadu di Malaysia dan perluasan perkhidmatan kepada sektor hospitaliti dan semikonduktor di Singapura dan Taiwan. Pertumbuhan juga dilihat dalam perniagaan *Infrastructure Solutions*, disebabkan oleh peningkatan kerja-kerja penyelenggaraan berikutan pemansuhan perintah kawalan pergerakan oleh Kerajaan dan peningkatan aliran trafik di beberapa lebuh raya utama. Sehingga 30 September 2022, kunci kira-kira UEM Edgenta kekal kukuh dengan mengekalkan nisbah gearan rendah pada 0.3 kali.

Orderbook Syarikat kekal kukuh pada RM10.1 bilion. Dalam tempoh sembilan bulan pertama TK2022, Syarikat memperoleh kontrak baharu kira-kira RM972 juta, dengan 70% daripada kontrak baharu tersebut adalah hasil daripada pasaran antarabangsa, selaras dengan strategi pengembangan antarabangsa oleh Syarikat Kumpulan.

Pembukaan semula sempadan antarabangsa pada 1 April 2022 dan pemulihan aktiviti ekonomi telah membuka jalan ke arah momentum pertumbuhan yang positif. Walau bagaimanapun, halangan makroekonomi dan inflasi telah menyumbang kepada peningkatan kos merentasi semua sektor di seluruh dunia. Berlatarbelakangkan situasi perniagaan yang mencabar, Syarikat mengekalkan perlaksanaan langkah jangka pendek hingga sederhana bagi menghadapi pasaran yang tidak menentu di samping memastikan pengekalan kualiti penyampaian perkhidmatan.

“Kami komited untuk mengekalkan nilai mampan jangka panjang kepada pemegang berkepentingan kami serta mengambil langkah responsif dan proaktif untuk meningkatkan ketangkasan dan ketahanan operasi kami. Meskipun berhadapan dengan cabaran makroekonomi dan operasi, Syarikat akan terus memperkukuh kesediaan kami melalui pengoptimuman kos struktur dan strategi kecekapan operasi bagi membina sebuah syarikat global yang berdaya teknologi berasaskan pengurusan kemudahan bersepadu,” kata Syahrunizam Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta.

UEM Edgenta mencapai kemajuan yang baik melalui portfolio penempatan semula yang strategik. Pelupusan *Faber Sindoori Management Services Private Limited* yang dilakukan baru-baru ini membolehkan Syarikat melabur semula dalam pasaran/produk baharu dan teknologi manakala pelaburan dalam *MEEM for Facilities Management Company* membolehkan akses terhadap pasaran segera Kerajaan Arab Saudi, mempercepatkan pengembangan antarabangsa Syarikat dalam sektor Pengurusan Fasiliti Bersepadu.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India, Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.

Disiarkan oleh UEM Edgenta Berhad pada tarikh yang tertera seperti di atas.
Sila e-mel communications@edgenta.com sekiranya terdapat sebarang pertanyaan.